



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

[UTAMA](#) |

[FAKTA &  
ANGKA](#) |

[MEDIA](#) |

[DIREKTORI  
KAKITANGAN](#) |

[LOKASI](#) |

[PETA  
LAMAM](#) |

[SOALAN  
LAZIM](#) |

[HUBUNGI  
KAMI](#)

CARI



Isnin, Februari 18, 2013

[MENGENAI KAMI](#)
[PENYELIDIKAN](#)
[AKADEMIK](#)
[JARINGAN](#)
[ANTARABANGSA](#)
[KEHIDUPAN KAMPUS](#)
[PERKHIDMATAN](#)

 | A- | A |  
A+ | ENGLISH

[Berita » UPM catat prestasi cemerlang penilaian D-SETARA 2012](#)


**SERDANG, 30 Jan** – Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatatkan prestasi cemerlang dalam Sistem Penarafan Disiplin Pengajaran (D-SETARA) 2012 oleh Kementerian Pengajaran Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi tiga kategori iaitu Kejuruteraan; Perubatan, Pergigian dan Farmasi; dan Sains Kesihatan.

Kategori Kejuruteraan mencatatkan keputusan yang membanggakan apabila UPM berjaya memperoleh Tier 5 (Cemerlang) dan tiada Institut Pengajaran Tinggi (IPT) yang berjaya mencatatkan tahap tertinggi iaitu Tier 6 (Terbilang).

Kejayaan itu meletakkan UPM sebaris dengan sembilan IPT lain yang mendapat Tier 5.

UPM turut cemerlang dalam kategori Perubatan, Pergigian dan Farmasi dengan menyertai 11 IPT lain yang mendapat keputusan Tier 4 (Sangat Baik). Dalam kategori itu, Universiti Malaya (UM) mendapat keputusan tertinggi dengan memperoleh Tier 5.

Kategori Sains Kesihatan pula memperlihatkan UPM dan lima IPT lain mencatat keputusan Tier 4. Sebanyak lima IPT lain pula mencatatkan Tier 5.

UPM tidak dinilai bagi kategori keempat iaitu Hospitaliti dan Pelancongan.

Sistem Penarafan Disiplin Pengajaran atau D-SETARA merupakan sistem penarafan yang dilakukan oleh KPT dengan kerjasama MQA bagi mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran pada tahap enam Kerangka Kelayakan Malaysia (peringkat Ijazah Pertama) dalam disiplin tertentu di universiti dan kolej universiti di Malaysia.

Instrumen D-SETARA meliputi tiga domain generik iaitu input, proses dan output untuk menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran. Klasifikasi penarafan dibahagikan kepada enam tahap dengan Tier 6 sebagai tahap tertinggi (Terbilang) dan Tier 1 sebagai paling rendah (Lemah).

**Berita ini disediakan oleh Muhamad Najkhan Mazlan, 03-8946 6011**

